

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	7 MARCH 2015



**NAJIB TUN RAZAK** sambil disaksikan oleh **Hasan Malek** (tiga dari kanan); **Ahmad Bashah Md. Hanipah** (dua dari kiri); **Idris Hashim** (dua dari kanan) dan **Syed Kamarulzaman Syed Zainol** (kanan) melakukan gimik perasmian Menara Perbadanan Nasional Berhad (PNS) dan pelancaran Sidang Kemuncak Francais Antarabangsa di Bangsar South, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/HAFIZ JOHARI

Melonjakkan pertumbuhan ekonomi Malaysia menjelang 2020

# Perlu ramai inovator

Oleh **MOHD. ASRON MUSTAPHA**  
mohdasron.mustapha@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 6 MAC**

**L**EBIH ramai inovator dan usahawan diperlukan bagi menyokong usaha kerajaan melonjakkan kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia supaya menjadi lebih pesat untuk melangkah maju pada tahun 2020.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, dua golongan tersebut sangat diperlukan negara kerana peranan mereka bakal membantu menjana sumber kekayaan kepada Malaysia, sekali gus merealisasikan hasrat yang diimpikan.

Jelasnya, inovator yang diperlukan Malaysia tidak boleh hanya terhad kepada bidang sains dan teknologi sahaja, sebaliknya perlu



**Dua golongan tersebut sangat diperlukan negara kerana peranan mereka bakal membantu menjana sumber kekayaan kepada Malaysia, sekali gus merealisasikan hasrat yang diimpikan."**

**NAJIB TUN RAZAK**  
Perdana Menteri

tampil berani mempelbagaikan inovasi dalam bidang sosial yang belum diterokai sepenuhnya.

Wm-7/3/2015  
"Kita perlu usahawan yang mempunyai budaya berfikir, bukan sahaja mencari kerja tetapi mencipta dan menawarkan pekerjaan," katanya ketika berucap merasmikan Menara Perbadanan Nasional Berhad (PNS) di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hasan Malek; timbalannya, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah; Pengerusi PNS, Datuk Idris Hashim dan Pengarah Urusan PNS, Datuk Syed Kamarulzaman Syed Zainol.

Menara 17 tingkat tersebut kini muncul antara salah satu mercu tanda baharu di Bangsar South, Kerinchi. Selesai merasmikan dan meninjau menara berkenaan, Najib kemudiannya menunaikan solat Jumaat di Masjid Ar-Rahah yang terletak berhadapan dengan Menara PNS.

Terdahulu dalam ucapannya, Perdana Menteri menggesa PNS yang ditubuhkan Allahyarham bapanya, Tun Abdul Razak Hussein memainkan peranan lebih agresif memajukan lagi industri francais negara dengan menerokai peluang di peringkat antarabangsa.

Katanya, sudah sampai masanya untuk industri francais negara mencapai taraf global kerana selain dapat mengangkat nama Malaysia, penerokaan di peringkat antarabangsa bakal menawarkan lebih banyak peluang perniagaan yang menguntungkan.

"Kerajaan dan PNS akan terus menjadi pemangkin kepada usahawan untuk membangunkan industri francais negara tetapi para usahawan juga terutama bumiputera perlu menggandakan usaha mereka untuk mencipta kejayaan," katanya.